



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEMBILAN (9) ORANG PEGAWAI MOSTI DIANUGERAHKAN IJAZAH SARJANA SAINS PROFESIONAL PADA MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-67 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

JOHOR BAHRU, 19 November 2023 – Seramai sembilan (9) orang pegawai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Sains Profesional pada Majlis Konvokesyen Kali Ke-67 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang lepas.

Pegawai-pegawai MOSTI ini merupakan pelajar program pengajian hasil kerjasama MOSTI dan UTM melalui inisiatif tajaan pengajian Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Program ini telah berjaya menghasilkan pegawai cemerlang iaitu Puan Uwarani Krishnan yang memperolehi *Pro-Chancellor Award*, *Best Postgraduate Student Award* dan *Best Master by Taught Course Degree Award* manakala Puan Nuwaira Muhamadun Amin dan Puan Nurhayati Sulaiman masing-masing berjaya memperolehi *Best Postgraduate Student Award*.

Pengajian peringkat sarjana ini adalah kerjasama di antara Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR), UTM dan MOSTI bertujuan untuk memperkembang dan memperkukuhkan bakat profesional dalam bidang sains dan teknologi yang telah bermula pada tahun 2019 dengan kemasukan pelajar Kohort pertama pada Februari 2020 (11 orang) dan diikuti dengan kemasukan pelajar Kohort kedua ini pada Oktober 2021.

Program ini telah dirangka dengan pendekatan yang unik dalam merekabentuk kandungan program dengan melibatkan pihak majikan serta memastikan bakal graduan bukan sahaja dilengkapi dengan pengetahuan secara teori malahan dengan pendedahan yang relevan dengan keperluan industri dan peredaran semasa.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pegawai MOSTI yang telah berjaya dianugerahkan Sarjana Sains Profesional pada Majlis Konvokesyen UTM Ke-67. Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Naib Canselor UTM, YBhg. Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail; Dekan FTIR, YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Naz'ri bin Mahrin; penyelaras program, Ts. Dr. Noorlizawati Abd Rahim dan seluruh ahli akademik FTIR UTM.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
28 NOVEMBER 2023

